**SIARAN MEDIA**
-------------------------------------------------------------

# Yayasan YTL Memohon Bantuan Guru Bagi Memberikan Telefon Pintar Percuma

*Pelengkap kepada pakej data, kandungan pembelajaran dan peranti untuk keluarga B40*

**Kuala Lumpur, 7 April 2020:** Yayasan YTL hari ini mengumumkan bahawa ia kini akan memberikan telefon pintar secara percuma di bawah Inisiatif Belajar dari Rumah atau Learn from Home Initiative anjurannya. Ini adalah tambahan kepada kad SIM YES 4G dilengkapi dengan data sebanyak 40 GB selain sumber pembelajaran yang turut diberikan kepada para pelajar sekolah kerajaan secara percuma.

Yayasan YTL dengan kerjasama YTL Communications menawarkan telefon pintar percuma kepada para pelajar sekolah kerajaan dari keluarga B40 yang tidak memiliki telefon pintar atau peranti mudah alih bagi sesi pembelajaran dari rumah. Setiap telefon pintar tersebut akan dilengkapi dengan kad SIM prabayar YES 4G dan pelan data sebanyak 120GB bagi tempoh12 bulan.

Bagi memastikan telefon pintar tersebut dapat diberikan kepada keluarga yang memerlukan, Yayasan YTL memohon kerjasama para guru sekolah kerajaan untuk tampil membantu memberikan nama para pelajar yang layak, kerana guru-guru merupakan barisan yang terbaik bagi mengenal pasti keluarga ini. Para guru memainkan peranan penting dalam usaha membantu pelajar di dalam kelas, selain kerap meluangkan masa, tenaga dan ilmu bagi membantu para pelajar mereka. Selain itu, guru-guru dan ibu bapa juga harus berkerjasama rapat bagi membolehkan para pelajar dapat meneruskan sesi pembelajaran dari rumah dengan baik tanpa sebarang gangguan.

Sejak inisiatif ini dilancarkan dua minggu lepas, para pekerja YTL Communications telah bekerja sepanjang masa bagi memenuhi permohonan bagi mendapatkan kad SIM YES 4G percuma. Dalam ketika memproses kesemua permohonan berkenaan, YTL Communications tertarik dengan satu permohonan yang datang daripada seorang ibu tunggal di sebuah perkampungan nelayan di Labuan. Permohonan berkenaan disertai dengan sekeping gambar tiga anak kecil (seorang lelaki dan dua perempuan) yang sedang memegang sijil kematian ayah mereka. Gambar itu disertakan di dalam borang permohonan ibu tunggal ini kerana beliau tidak pasti jika anak-anaknya layak menerima kad SIM yang ditawarkan kerana suaminya telah meninggal dunia. Turut menyayat hati, beliau baru-baru ini telah kehilangan kerja sama seperti kebanyakan yang lain di kamung halaman beliau disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Atas dasar prihatin dan tanggungjawab sosial korporat, Yayasan YTL telah memberikan sebuah telefon pintar bersama-sama dengan kad SIM percuma seperti yang dipohon.

Yayasan YTL amat memahami kesukaran yang dihadapi oleh kebanyakan keluarga di Malaysia, terutama mereka dari golongan B40 ketika dunia dan negara kita sedang menghadapi ujian berat berikutan penularan wabak COVID-19. Ada yang terpaksa bertungkus-lumus demi mencari sesuap nasi, namun, dalam apa jua cabaran yang dihadapi, YTL Foundation tetap nekad membantu pendidikan generasi muda terutamanya kepada mereka yang memerlukan.

Bekas guru dan isteri kepada Pemegang Amanah Yayasan YTL Tan Sri Aris Othman, Puan Sri Sherina Aris berkata, “Saya amat bersetuju bahawa guru adalah yang terbaik untuk menilai keperluan pelajar di dalam kelas mereka. Saya membesar dalam keluarga yang sangat miskin, dan guru sayalah yang telah membantu saya menamatkan pengajian. Saya telah mengalami anemia akibat kekurangan nutrisi dan guru sayalah yang telah menyedari perkara ini dan menghantar saya berjumpa doktor

**Head Office**
YTL Foundation (4215701-A)
32nd Floor, Menara YTL,
205, Jalan Buikit Bintang
55100, Kuala Lumpur, Malaysia

Tel +(603) 2038 0088
Web ytlfoundation.com

serta mencari penaja yuran persekolahan saya. Guru-guru lain turut sama menyumbang bagi memastikan saya mendapat nutrisi harian yang mencukupi. Sebagai seorang bekas guru dan seorang yang pernah mengalami sendiri kebaikan yang dicurahkan oleh guru, saya yakin anda boleh percaya bahawa guru sentiasa mengutamakan kesejahteraan para pelajar mereka."

Pengerusi Yayasan YTL, Tan Sri Francis Yeoh Sock Ping menambah, "Ibu saya juga pernah menjadi guru dan kami membesar dengan melihat betapa dedikasinya beliau terhadap pelajar. Beliau akan mengadakan kelas tambahan untuk pelajar yang lemah setiap hari selepas waktu persekolahan, namun kelas tambahan tidak akan bermula selagi pelajar tidak diberikan makanan terlebih dahulu kerana beliau tahu bahawa ramai di antara mereka tidak mampu untuk mendapatkan bekalan makan tengah hari yang baik. Kami menghormati semua guru dan kami percaya bahawa mereka dapat membantu kami bagi mengenalpasti pelajar yang paling memerlukan dapat menerima tawaran percuma ini."

Guru-guru boleh mencalonkan nama pelajar yang layak menerima telefon pintar di www.ytlfoundation.org/learn. Para pelajar yang berjaya akan dimaklumkan dan perlu mengemukakan pendaftaran mereka bagi membolehkan mereka menerima telefon pintar dilengkapi pelan data 12 bulan YES 4G percuma.

Sejak inisiatif ini dilancarkan, FrogAsia telah memuatnaik lebih daripada 5000 kuiz di aplikasi FrogPlay Mobile. Teach For Malaysia turut menyertai inisiatif ini dalam membangunkan kandungan-kandungan berkaitan mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik berpandukan kurikulum kebangsaan. Layari www.ytlfoundation.org/learn untuk mendapatkan kandungan berkenaan serta memohon kad SIM prabayar YES 4G secara percuma.

Bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai inisiatif ini, sila ikuti kami di https://www.facebook.com/ytlfoundation atau @ytlfoundation dalam Instagram dan Twitter.

**- tamat -**

**About YTL Foundation**

YTL Foundation (421570-A) was founded in 1997 on the belief that education is the basis on which every society progresses. By developing and improving education in the communities in which it operates, YTL Foundation aims to empower individuals and communities to be catalysts of change to enrich and benefit society. Over the years, YTL Foundation has provided aid to deserving individuals who would otherwise be denied opportunities to pursue higher education. More recently, YTL Foundation expanded its role; organising workshops, talks and conferences to enrich and inspire educators, students and parents, as well as programmes to bring 21st Century teaching and learning into schools. Through programmes, funding, thought leadership and by championing the use of technology, backed by the YTL Group's 65 year heritage of nation building, YTL Foundation hopes to build better societies, through better education.

For more information about YTL Foundation, kindly visit www.ytlfoundation.org

## About FrogAsia and FrogPlay Mobile

FrogAsia Sdn Bhd (968641-K) is a social enterprise that aims to transform teaching and learning through technology. With a mission to provide equal access to quality education for all students, we offer 21st-century learning solutions through a technology-based approach. Our virtual learning environment, the Frog VLE, is a simple, fun and engaging platform that enhances the teaching and learning experience. The platform is adopted and adapted from Frog Education UK, an award-winning education company with nearly 20 years of experience in providing the award-winning Frog Virtual Learning platform to schools used by 12 million students, teachers and parents worldwide.

FrogPlay Mobile is a gamified learning home revision app with revision quizzes for all core subjects for all years. Quizzes on FrogPlay are aligned with the national Malaysian school syllabus and is curated with content partner, trusted education publisher, Pelangi. The app engages learners in a fun and interactive way through revision questions and games. The FrogPlay Mobile application is available on Android and iOS.

FrogAsia has won Platinum trophies for the Excellence in Provision of Literacy & Education Award in the Global CSR Award 2017 and 2019 for providing quality education to schools nationwide. FrogAsia's educational programmes, Leaps of Knowledge and the Word Mania Challenge, have been recognised with the Gold Award for Brand Excellence in the Education Sector at the CMO Asia Global Brand Excellence Awards 2014, and the Gold Award for Best Use of Games/Contests/Quizzes at the A+M Asia Pacific Loyalty and Engagement Awards 2014. The Frog VLE Platform has received the BETT Awards for Open Educational Resources in 2018, and Exporting Excellence category in the Education Investor Awards 2017.

For more information about FrogAsia, kindly visit www.frogasia.com

## About YTL Communications

YTL Communications Sdn Bhd (793634-V), is a global frontrunner in 4G Internet and operates a robust “YES" 4G network in Malaysia with nationwide population coverage across the country.

YES is the first and still the only PURE 100% 4G Mobile Operator in Malaysia. In 2019, YES successfully emerged as the second country in the world and the first in Asia to deploy Terragraph in partnership with Facebook and as of July 2019, has deployed the world's largest Terragraph network in the world in Georgetown, Penang, offering the world's fastest public Wi-Fi.

In deploying access to the learning content and FrogPlay Mobile quizzes, all Malaysian parents irrespective of geography and township will have equal access to the best in pure 4G connectivity. Consistency of data to empower learning in these uncertain times is a requisite so that the future of our nation's children will not be compromised and this is YES' commitment to ensuring that Amazing Things Happen When You Say YES.

YES has chosen to answer the call of the nation in these challenging times by going above and beyond to ensure all Malaysian parents will have access to the necessary data for education and to this we say, YES to Education.

For more information about YES and its services, kindly visit www.yes.my.